



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولاه قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**SATU NEGARA,
SEJAHTERA BERSAMA**



Tarikh Bacaan:
11 SEPTEMBER 2026M / 29 RABIULAWWAL 1448H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Satu Negara, Sejahtera Bersama

(Sempena Hari Malaysia pada 16 September 2026)

11 September 2026M/ 29 Rabiulawwal 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْأَمْنِ وَالْإِيمَانِ، وَأَسْبَغَ عَلَيْنَا نِعَمَهُ ظَاهِرَةً
وَبَاطِنَةً، وَجَعَلَ الْوَطْنَ مَوْطِنًا لِلْأَمْنِ وَالسَّكِينَةِ، وَمَكَانًا لِإِقَامَةِ الدِّينِ وَعِمَارَةِ
الْأَرْضِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ، وَهَادِيًا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Takwa bukan sekadar diukur melalui ibadah peribadi, tetapi turut terpancar melalui kejujuran, keadilan, kasih sayang dan kesungguhan kita menunaikan amanah kepada Allah serta sesama manusia.

Sebelum dilanjutkan bicara, khatib menyeru para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian terhadap khutbah yang disampaikan. Elakkan daripada berbual-bual, bermain telefon bimbit atau melakukan perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Mudah-mudahan

khutbah ini menjadi panduan dalam membina kehidupan, masyarakat dan negara yang diredai Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Bersempena dengan sambutan Hari Malaysia, khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk: **Satu Negara, Sejahtera Bersama.**

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Pada 16 September 1963, lahirlah sebuah negara bernama Malaysia. Hari Malaysia bukan sekadar memperingati terbentuknya sebuah negara pada peta dunia. Ia mengingatkan kita bahawa Malaysia dibina melalui kesediaan wilayah dan rakyat yang berbeza latar belakang untuk hidup bersama, memelihara keamanan serta membina masa hadapan dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Bertepatan dengan tema Hari Malaysia pada tahun ini, **Malaysia MADANI: Kesejahteraan Dinikmati**, tema ini mengajak kita untuk bermuhasabah: apakah kesejahteraan negara benar-benar telah dirasakan oleh semua?

Negara yang sejahtera bukan hanya dinilai melalui bangunan yang tinggi, jalan raya yang luas atau kecanggihan teknologi. Kesejahteraan sebenar terlihat pada kehidupan rakyatnya; apabila keluarga mempunyai makanan yang mencukupi, anak-anak menerima pendidikan yang baik, orang sakit mendapat rawatan, golongan rentan dilindungi, orang kurang upaya diberikan kemudahan dan warga emas tidak dibiarkan menjalani kehidupan sendirian.

Kesejahteraan juga bererti rakyat dapat hidup tanpa ketakutan, beribadah dengan aman, memperoleh keadilan, menyuarakan

pandangan secara beradab serta menikmati hasil pembangunan negara secara saksama. Inilah antara prinsip yang dituntut oleh Islam sebagaimana firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah al-Nahl ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ ۚ يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil, berbuat Kebajikan, memberi bantuan kepada kaum kerabat dan Allah melarang daripada melakukan perbuatan kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran (dengan suruhan dan larangan-Nya ini) kepadamu supaya kamu mengambil peringatan untuk mematuhi-Nya.”

Ayat ini menggabungkan dua asas besar dalam pembinaan masyarakat, iaitu keadilan dan ihsan. Keadilan memastikan setiap manusia menerima haknya, manakala ihsan menggerakkan hati untuk membantu mereka yang memerlukan.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kita dituntut memelihara nilai kemanusiaan dalam masyarakat yang pelbagai. Negeri kita Pulau Pinang khususnya, dihuni oleh masyarakat berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya. Islam mengajar umatnya agar tetap teguh mempertahankan akidah, namun pada masa yang sama berlaku adil, berakhlak mulia dan berbuat baik kepada seluruh manusia.

Menghormati penganut agama lain tidak bermakna kita mencampuradukkan akidah. Menghargai kebudayaan kaum lain tidak

bererti kita kehilangan identiti. Sebaliknya, sikap saling menghormati menampilkan kematangan dan keindahan akhlak Islam.

Sebagai umat Islam, kita seharusnya menjadi contoh terbaik dalam membina keharmonian. Janganlah kerana perbezaan kaum, kita menghina. Janganlah kerana perbezaan agama, kita berlaku zalim. Janganlah kerana perbezaan politik, kita memutuskan silaturahim dan ukhuwah lalu menafikan segala kebaikan. Kepelbagaian masyarakat majmuk ini harus dilihat sebagai satu dakwah untuk menerima dan menarik masyarakat non-Muslim khususnya sebagai satu ruang bagi melihat kebenaran Islam bukan sebagai musuh.

Kita mungkin tidak bersetuju dalam semua perkara, tetapi kita tetap boleh berbicara dengan adab. Kita boleh tegas mempertahankan prinsip tanpa mencaci. Kita boleh berbeza pandangan tanpa menjadi musuh. Kesejahteraan hanya dapat dinikmati apabila setiap rakyat berasa selamat, dihormati dan dilindungi oleh keadilan. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam Surah al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ... ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah mencipta kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa supaya kamu berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain).”

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Antara cabaran besar untuk mengekalkan kesejahteraan negara pada hari ini ialah perpecahan di ruang digital. Jika dahulu ancaman terhadap negara datang dalam bentuk senjata dan pencerobohan fizikal, hari ini perpecahan boleh bermula daripada sebuah hantaran media sosial, potongan video, tangkap layar luar konteks, suara yang dimanipulasi atau berita palsu yang disebarkan berulang kali. Sebuah negara mungkin kelihatan aman pada luaran, tetapi sedang retak di ruang maya.

Menurut Kementerian Perpaduan Negara, sebanyak 1,493 kandungan berkaitan isu agama, raja dan kaum telah diturunkan bagi tempoh Januari 2025 hingga Januari 2026. Angka ini sepatutnya menjadi peringatan kepada kita. Di sebalik setiap kandungan yang menghasut, mungkin ada hubungan yang menjadi renggang, prasangka yang semakin menebal dan kebencian yang diwariskan kepada generasi akan datang.

Kemajuan kecerdasan buatan pula menjadikan gambar, video dan suara semakin mudah dimanipulasi. Teknologi boleh menjadi alat untuk mendidik dan menyatukan manusia. Namun, teknologi yang tidak dipandu oleh iman dan akhlak boleh berubah menjadi senjata fitnah.

Janganlah kita terlalu pantas menghukum. Jangan berkongsi sesuatu hanya kerana ia selari dengan kemarahan atau kecenderungan kita. Semak sumbernya, fahami konteksnya dan fikirkan kesannya sebelum menekan butang kongsi. Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Maksudnya: *“Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata yang baik atau diam.”*

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini bukan sahaja terpakai kepada percakapan, tetapi juga tulisan, komen, hantaran dan perkongsian kita di media sosial. Diam daripada menyebarkan fitnah ialah ibadah. Memadam kandungan yang mencetuskan kebencian ialah keberanian. Membetulkan maklumat palsu dengan hikmah pula ialah khidmat kepada agama, masyarakat dan negara.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati tiga perkara:

Pertama: Hari Malaysia mengingatkan kita bahawa negara ini dibina melalui kesatuan wilayah dan kesediaan untuk memelihara amanah bersama. Maka hargailah sejarah pembentukan Malaysia serta peliharalah hubungan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Kedua: Kesejahteraan negara menuntut kita berlaku adil, memelihara amanah, jauhi rasuah dan jangan biarkan mana-mana individu, kelompok atau wilayah tersisih daripada pembangunan negara.

Ketiga: Peliharalah keharmonian, baik di dunia nyata mahupun ruang digital. Amalkan *tabayyun*, jagalah lisan dan tulisan serta jadilah suara yang mendamaikan, bukan kata-kata yang menyemarakkan perpecahan dan kebencian.

Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam Surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu, “Sesungguhnya jika kamu bersyukur, Kami pasti akan menambah (nikmat) kepadamu dan jika kamu mengingkarinya (nikmat-Ku), sesungguhnya azab-Ku sangat pedih.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mutakhir ini tular di media sosial mengenai seorang wanita Melayu beragama Islam yang dikatakan mengajar yoga dan mengajak orang ramai mengikuti amalan tersebut. Maka, khatib mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan seluruh umat Islam agar tidak terpengaruh dengan sebarang amalan yang mempunyai kaitan dengan kepercayaan agama lain, walaupun ia diperkenalkan atas nama kesihatan, kecergasan atau ketenangan jiwa.

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2009 telah membincangkan secara khusus mengenai Kedudukan Senaman Yoga dalam Kalangan Umat Islam. Setelah meneliti hujah dan dalil, mesyuarat bersetuju bahawa senaman yoga mempunyai kaitan secara langsung dengan agama Hindu, tidak sesuai diamalkan oleh umat Islam dan boleh merosakkan akidah umat Islam. Justeru, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa: **“Senaman yoga atau apa sahaja yang disandarkan kepada ‘yoga’ adalah haram untuk diamalkan”**.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أئِمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَائِنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَلَايَةً قَوْلَاو فَيُنْخِجَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعَنَائِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah, dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, kurniakanlah kepada kami dan keturunan kami hidayah serta kekuatan untuk terus istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan wakaf melalui Wakaf MAINPP.

Ya Allah, rahmatilah para pembayar zakat dan para pewakaf sekalian. Terimalah segala amal kebajikan mereka, berkatilah rezeki mereka, dan jadikanlah sumbangan mereka sebagai amal jariah yang terus mengalir pahalanya serta menjadi bekalan mereka di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam memperkasa pengurusan zakat dan wakaf, agar terus menjadi instrumen yang menyantuni golongan yang memerlukan, memperkasa kehidupan ummah dan membina keseimbangan sosioekonomi di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG